

PERSEPSI REMAJA TERHADAP KEPATUHAN AGAMA IBU BAPA: KAJIAN LOKALITI DI MALIM, MELAKA

Ahmad Faqih Ibrahim

ahmadfaqih@kuim.edu.my

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Ummi Nuwairah Norismail

nuwairahummi@gmail.com

Nor Rahayu Mujahid

Sekolah Kebangsaan Tanjong Bidara

Nur Najwa Hanani Abd Rahman

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi mengetahui Tahap Kepatuhan Agama Ibu Bapa Remaja di sekitar Malim, Melaka. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan rekabentuk tinjauan dengan menjadikan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Bagi menjelaskan hasil kajian, item-item telah dibahagikan kepada dua aspek iaitu Kepatuhan Ibu Bapa Dari Aspek Kepatuhan Kepada Suruhan Agama dan Kepatuhan Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Berlawanan Kepada Suruhan Agama. Hasil kajian mendapat bahawa nilai min keseluruhan bagi aspek kepatuhan ibu bapa kepada suruhan agama adalah 3.80, manakala kepatuhan ibu bapa dari aspek tingkah laku berlawanan kepada suruhan agama adalah 2.70.

Kata kunci: Pelajar, Remaja, Kepatuhan Agama

TEENAGERS PERCEPTION OF PARENTS' RELIGIOUS COMPLIANCE: A STUDY OF LOCALITY IN MALIM, MELAKA

Abstract

This study was conducted to find out the level of religious adherence of adolescent parents around Malim, Melaka. This study is a quantitative study that uses survey design by making the questionnaire as a research instrument. To explain the results of the study, the items were divided into two aspects, namely Parental Obedience From The Aspect Of Obedience To Religious Instruction And Parental Obedience From The Aspect Of Behavior Opposite To Religious Instruction. The results of the study found that the overall mean value for the aspect of parental compliance with religious instructions is 3.80, while parental compliance from the aspect of behavior contrary to religious instruction is 2.70

Keywords: Students, Adolescents, Religious Adherence

PENDAHULUAN

Masalah tingkah laku dan disiplin dalam kalangan remaja mutakhir ini. Badrulzaman (2006), menyatakan media massa seringkali memaparkan berita dan cerita mengenai sikap buruk remaja yang masih bersekolah dan pelbagai masalah sosial yang membabitkan mereka. Masalah ini telah memberi kebimbangan kepada semua pihak antaranya pemerintah, masyarakat, guru dan ibu bapa. Buerah, Shanah & Hamimah (2015), menyatakan di dalam kajian mereka bahawa isu keruntuhan akhlak atau istilah lain delinkuen dalam kalangan remaja sentiasa menjadi perhatian media dan perbualan masyarakat.

Tahun	Diujji	Positif Urin
2013	39163	720
2014	36838	1460
2015	49711	1748
2016	35522	1411
2017	36664	1731

(Jadual 1.1: Statistik Pelaksanaan Ujian Urin Sekolah Menegah- AADK)

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan menunjukkan jumlah penagih dadah di Malaysia semakin meningkat dari tahun 2013-2017. Ini membuktikan isu keruntuhan akhlak semakin meningkat dan sukar untuk dibendung.

Utusan Malaysia bertarikh 12 Julai 2017, mengikut statistik, seramai 111,895 orang murid iaitu 16,849 murid sekolah rendah dan 95,046 murid sekolah menengah didapati terlibat dengan gejala salah laku disiplin di sekolah pada tahun 2016 didapati ponteng sekolah adalah isu utama dalam salah laku disiplin murid sekolah. Terdapat juga kes-kes lain seperti memukul, bergaduh, merokok dan lain-lain lagi yang perlu diberi perhatian dan dibanteras dengan segera. Jelas statistik seperti ini agak merisaukan anggota masyarakat walaupun pihak kementerian mendapati jumlah murid yang terlibat dengan permasalahan disiplin adalah pada kadar 2.03 peratus setahun sejak 2012 sehingga 2016. Peningkatan yang membimbangkan ini melambangkan keruntuhan akhlak pelajar remaja berada di tahap yang merungsingkan semua pihak. Melihat kepada masalah ini, tindakan dan pengawalan aktiviti pelajar remaja seharusnya perlu ditapis bagi membendung fenomena ini daripada terus menular pada masa akan datang. Selain itu, keruntuhan akhlak ini seringkali dikaitkan dengan faktor kekeluargaan remaja itu sendiri.

Menurut Hashim, Khairulhelmi, Fahmi & Syed Mohamed (2008), institusi keluarga penting dalam mendorong para remaja agar tidak terjebak dengan gejala sosial yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak. Perkara yang utama perlu diambil kira ialah agama. Apabila asas agama menjadi teguh, remaja tidak akan mudah untuk terjebak dengan perkara yang buruk. Peranan ibu bapa penting di sini bagi menunjukkan contoh positif kepada anak-anak dengan mengamalkan cara hidup beragama yang betul dalam kehidupan sehari-hari. Bagi membina akhlak remaja, didikan agama perlu diberikan kepada anak-anak bermula dari kecil hingga dewasa.

Seterusnya, kesibukan bukan halangan kepada ibu bapa untuk meluangkan waktu dan berkomunikasi bersama anak-anak. Komunikasi yang baik mampu menzahirkan kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak. Bahkan, komunikasi yang berkesan dapat membantu ibu bapa mengetahui perihal anak-anak. Ibu bapa perlu ‘menjadi rakan’ kepada anak-anak agar mudah untuk anak-anak mempercayai dan menjadikan mereka sebagai model. Selain itu, akhlak yang baik dan mulia datangnya daripada sesebuah institusi kekeluargaan yang sejahtera dan bahagia sekaligus membenarkan kata-kata hikmah iaitu rumah adalah akar segala-galanya.

Di samping itu juga, keruntuhan akhlak ini menunjukkan kegagalan sesebuah sistem keluarga dalam membentuk sahsiah serta pendidikan anak-anak yang seharusnya perlu diterapkan nilai-nilai positif sejak dari kecil lagi dalam kehidupan sehari-hari mereka. Jika anak-anak melihat tingkah laku ibu bapa yang tidak baik sejak kecil lagi, maka mereka akan mudah ter dorong kepada perkara-perkara negatif apabila meningkat dewasa kelak. Menurut Nur Najwa Hanani (2017) akhlak itu juga sebenarnya menjadi pusat kepada penentuan matlamat hidup manusia sebagai seorang yang beragama Islam di mana seluruh kegiatan kehidupan manusia akan berkisar di sekitarnya. Jika baik akhlaknya, maka baiklah persekitaran yang ada di sekelilingnya.

Oleh itu, kajian ini cuba memfokuskan kepada ciri-ciri tingkah laku ibu bapa remaja yang terlibat dengan masalah keruntuhan akhlak. Antaranya ialah, ciri-ciri tingkah laku fizikal, verbal dan anti sosial dikaji bagi melihat sejauh manakah perkara tersebut memberi kesan dalam tingkah laku pelajar remaja yang terlibat dengan keruntuhan akhlak.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan terhadap 152 orang remaja sekitar Malim Melaka sebagai responden kajian. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah metodologi kuantitatif dengan rekabentuk tinjauan. Kaedah persampelan yang digunakan adalah berbentuk mudah (convenience sampling). Data-data dikumpulkan menggunakan instrumen soal selidik dianalisis dengan bantuan perisian Statistical Package For Social Science v20.

KESALAHAN AKHLAK REMAJA

Masalah keruntuhan akhlak yang berlaku dalam kalangan remaja ini boleh ditunjukkan dengan pelbagai cara dan bentuk tanpa mengenal usia dan jantina. Dalam kajian ini, keruntuhan akhlak yang ditafsirkan oleh pengkaji ialah perlakuan yang melanggar etika Islam dan norma kehidupan yang membawa kepada kerosakan jiwa dan nilai-nilai yang baik dalam dirinya. Pelbagai perlakuan salah laku yang dibuat oleh remaja seperti ponteng sekolah, melawan guru, membuli pelajar lain dan sebagainya. Masalah ini jika tidak dibendung boleh membawa kepada salah laku yang lebih serius dan keruntuhan akhlak seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, minum minuman keras, penyalahgunaan dadah, pelacuran, isu pembuangan bayi dan banyak lagi yang membawa kepada masalah keruntuhan akhlak.

Menurut kepada statistik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, tahun 2003, bilangan kes juvana yang dilaporkan adalah sebanyak 4998 kes. Manakala pada tahun 2004 pula bilangannya meningkat kepada 6056 kes. Selain itu, Utusan Malaysia 31 Januari 2012 memaparkan statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), menunjukkan hampir 70 peratus iaitu daripada 1,060 orang pada tahun 2010 kepada 1,801 orang pada tahun 2011 yang melibatkan wanita tempatan telah dikesan menjadi pelacur di Malaysia ini. Peningkatan ini menggambarkan tentang masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja semakin serius dan sudah tentu ia amat membimbangkan semua pihak.

Menurut Husin Bin Junoh (2011), yang telah membuat kajian mengenai masalah keruntuhan akhlak yang bertajuk Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor. Tujuan beliau melakukan kajian ini adalah untuk mengetahui spesifikasi keruntuhan akhlak, mengenalpasti faktor keruntuhan akhlak dan usaha untuk menangani keruntuhan akhlak remaja Islam luar Bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor. Hasil dapatan kajian beliau menemui bahawa spesifikasi keruntuhan akhlak yang paling tinggi ialah spesifikasi melepak seramai 362 daripada 607 orang sampel kajian. Faktor rakan sebaya merupakan faktor paling dominan dalam mempengaruhi masalah keruntuhan akhlak remaja. Bagi usaha menangani masalah ini, pihak FELDA telah bekerjasama dengan pihak sekolah dan polis bagi menangani masalah keruntuhan akhlak dengan mengadakan pelbagai program kesedaran dan pembangunan diri.

Badlihisham et al., (2010), dalam yang bertajuk Perkembangan Sosio-Psikologi Dan Akhlak Remaja Melayu (FELDA): Satu Kajian Preliminari menunjukkan keadaan sosio-psikologi murid-murid Melayu luar Bandar seperti resilien, tahap penghargaan diri dan kaitannya dengan prestasi akademik, mengkaji nilai dan akhlak murid seperti keikhlasan menjalankan tugas, kepercayaan kepada Allah, kehidupan masyarakat, kesedaran sosial, etika kehidupan, konsep salah benar dan pandangan tentang keseronokan hidup dan mengenalpasti faktor-faktor lain seperti media massa dan ICT yang boleh mempengaruhi perkembangan sosio-psikologi pelajar-pelajar Melayu dalam menghadapi era globalisasi. Bahagian sosio-psikologi pelajar diukur menggunakan empat konstruk iaitu konsep kendiri, daya-tindak menghadapi permasalahan hidup, nilai dan akhlak Islam serta pengaruh faktor lain terhadap sikap pelajar. Dapatan kajian mereka manunjukkan, kebanyakan mereka mempunyai pandangan dan harga diri yang tinggi, bagi strategi daya tindak pula responden menunjukkan skor yang tinggi terhadap perkara tersebut, manakala dari segi tahap perkembangan akhlak yang positif dan

pengaruh faktor lain menunjukkan secara umumnya bahawa kebanyakannya responden mudah terpengaruh dengan faktor lain. Terdapat beberapa perkara yang memperlihatkan wujud pengaruh negatif dalam kalangan pelajar seperti belajar sangat membosankan, tidak yakin dengan agama yang dianuti serta merasakan pergaulan bebas tidak sepatutnya dihalang dan ‘couple’ adalah perkara biasa. Pengaruh media massa juga banyak mempengaruhi sikap dan tingkah laku remaja.\

Manakala, menurut Nurul Huda Binti Abd Razak (2011), di dalam kajiannya yang bertajuk Pengaruh Internet Terhadap Keruntuhan Akhlak Remaja Islam: Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan, UTM, di mana beliau membuat kajian ini untuk mengetahui persepsi mahasiswa terhadap internet, melihat sejauh mana hubungan Facebook, Youtube dan Blog menyumbang kepada keruntuhan akhlak remaja Islam dan untuk mengenal pasti pengaruh internet seperti Facebook, YouTube dan Blog terhadap masalah keruntuhan akhlak remaja Islam. Responden dalam kajian ini adalah seramai 78 orang. Hasil kajian mendapati bahawa persepsi mahasiswa terhadap internet adalah tinggi, manakala Facebook dan Blog mempunyai hubungan yang lemah dengan keruntuhan akhlak remaja akan tetapi Youtube mempunyai hubungan yang sederhana. Bagi pengaruh internet terhadap masalah keruntuhan akhlak pula ialah hanya YouTube yang mempunyai pengaruh manakal Facebook dan Blog tidak mempunyai pengaruh terhadapnya.

Seterusnya, Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011), dalam kajian mereka yang bertajuk Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh Melaka yang mengkaji mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial. Masalah sosial juga merupakan salah satu daripada masalah keruntuhan akhlak remaja. Dapatkan kajian menunjukkan faktor diri sendiri mempengaruhi responden terlibat dalam masalah sosial berbanding pengaruh rakan sebaya dan permasalahan persekitaran sekolah. Walau bagaimanapun, analisis juga mendapati bahawa keluarga adalah faktor penting responden terlibat dalam masalah sosial ini.

KEPATUHAN IBU-BAPA TERHADAP AGAMA

Ibu bapa merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak agar menjadi manusia berguna satu hari nanti. Islam telah menggariskan panduan yang tepat untuk dicontohi ibu bapa dalam mendidik anak-anak seperti pada usia 7 tahun anak-anak perlu diajar dan didekahkan mengenai cara menunaikan solat fardhu dengan betul dan tertib. Manakala, pada usia 10 tahun jika anak-anak masih enggan untuk menunaikan solat maka ibu bapa dibenarkan untuk memukul anak-anak untuk tujuan mendidik. Berdasarkan hadis seperti berikut:

Maksudnya: Suruhlah anak-anak kamu dengan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka kerana sembahyang ketika mereka berumur sepuluh tahun dan pisahkan antara mereka (lelaki dan perempuan) di tempat tidur. (Hadith riwayat Abu Daud, Sunnan Abu Daud, No. Hadith 494. Lihat dalam ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan. Al-Tarbiyah al-Awlad, 118).

Jika ibu bapa sendiri tidak mempunyai ilmu agama yang cukup serta tidak mengamalkannya, bagaimakah caranya mereka hendak mengajar dan mendidik serta menjadi contoh kepada anak-anak. Selain itu, ajaran akhlak dan nilai-nilai murni dalam kehidupan juga perlu diterapkan ibu bapa ke dalam diri anak-anak. Dalam kajian Mitchell et al., (1989), mendapati bahawa remaja dapat berfikir sebelum melakukan perkara yang melanggar etika dan tidak bermoral apabila agama menjadi pelita dan pegangan moral dalam kehidupan.

Selain itu, terdapat beberapa kajian yang menyentuh mengenai kepatuhan agama ibu bapa menjadi salah satu faktor keruntuhan akhlak remaja. Antaranya kertas kerja Seminar Kaunseling Keluarga 2008, yang telah dikaji dan dibentangkan oleh Hashim Bin Haji Bedu et al., dengan tajuk Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial Dalam Keruntuhan Keluarga; Isu dan Cabaran. Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk melihat isu-isu keruntuhan akhlak dan gejala sosial yang berlaku pada hari ini seperti budaya punk, budaya skinhead, black mental, isu kemaksiatan, penagihan dadah, pembuangan bayi dan banyak lagi isu-isu lain yang berlaku dalam keluarga di Malaysia ini. Kajian juga turut

memfokuskan kepada faktor-faktor dan kesan keruntuhan akhlak ini ke atas diri individu sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Pengkaji ada menyebut mengenai, kepentingan kepada pendidikan dan pembelajaran agama penting untuk diterapkan sejak zaman kanak-kanak lagi. Di sini, peranan ibu bapa sangat jelas untuk menjadi contoh dan tauladan kepada anak-anak dalam kepatuhan agama ini selain daripada mendidik dan mengajar kerana ia sahaja belum mencukupi jika tidak diamalkan sendiri oleh ibu bapa.

Kajian seterusnya adalah daripada Faridah Saleh dan Zurina Ahmad Saldi (2015), yang mengkaji mengenai faktor-faktor yang mendorong remaja bertingkah laku negatif dengan melihat institusi kekeluargaan sebagai faktor utama. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat isu-isu yang berlaku di sebalik persekitaran keluarga dengan melihat kepada peranan institusi keluarga yang pelbagai yang mampu membendung daripada gejala salah laku ini terus menular. Pengkaji telah menyentuh mengenai pegangan agama yang dapat membentuk keperibadian dalam diri seseorang individu. Nilai keagamaan yang tinggi dapat memandu ke arah kehidupan yang lebih sejahtera. Bahkan, ibu bapa ibubapa yang mengabaikan perihal keagamaan dan ajaran agama Islam seperti solat, berpuasa, bersedekah, zakat dan lain-lain juga menjadi salah satu punca peningkatan tingkah laku devian dalam kalangan remaja yang secara tidak langsung membawa kepada keruntuhan akhlak.

Menurut Mohammad Abu Bakar Bin Shis (2010), dalam kajiannya yang bertajuk Kajian Gejala Sosial Di kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Yang Menetap Di Kolej Sembilan (K9), Kolej Sepuluh (K10), Dan Kolej Perdana (Kp) Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti pengaruh yang wujud dari ibu bapa, rakan, internet, didikan agama dan masa lapang bagi pelajar terjebak dengan gejala sosial. Hasil kajian mendapati pengaruh utama adalah pengaruh internet dan pengawalan penggunaan internet perlu dilakukan. Walaupun begitu, pengaruh ibu bapa, rakan, didikan agama dan masa lapang juga turut mempengaruhi masalah gejala sosial. Pengkaji menyatakan bahawa tugas mendidik anak beragama itu adalah wajib hukumnya bukan sekadar pendidikan yang berbentuk akademik semata-mata bagi mendapat kejayaan cemerlang di sekolah. Apabila ibu bapa kekurangan ilmu agama, maka didikan yang diberikan kepada anak-anak menjadi tidak sempurna. Oleh itu, ibu bapa perlu mendalami, mematuhi dan mengamalkan agama dengan sempurna agar mampu mendidik anak-anak dengan baik.

HASIL KAJIAN

Analisis ini dihuraikan berdasarkan kekerapan, peratusan dan min. Ciri-ciri tingkah laku ibu bapa, diinterpretasikan berdasarkan jadual 4.8 dengan nilai min antara 1.00 hingga 2.33 diinterpretasikan sebagai tahap rendah, 2.34 hingga 3.66 sebagai tahap sederhana dan 3.67 hingga 5.00 sebagai tahap tinggi (Mohd Najib Ghafar, 2003).

Jadual 1.2: Interpretasi Min

Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Tafsiran Statistik Min Menurut Najib, 2003.

Analisis bagi menentukan tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama yang terlibat dengan masalah keruntuhan akhlak telah dilakukan dengan menggunakan min, kekerapan, peratusan dan sisihan piawai. Bagi mendapatkan hasil yang lebih jelas, item-item telah dibahagikan kepada dua aspek iaitu aspek kepatuhan kepada suruhan agama dan aspek tingkah laku yang berlawanan dengan suruhan agama.

Jadual 1.3: Min Kepatuhan Ibu Bapa Dari Aspek Kepatuhan Kepada Suruhan Agama

Item	1	2	3	4	5	SP	Interprestasi
	ST	TS	KS	S	SS		
	S%	%	%	%	%		
Ibu/bapa saya memahami ajaran agama Islam	2.0	0.0	5.3	46.7	46.1	4.35	0.757 Tinggi
Bapa saya selalu ke masjid atau ke surau	2.6	7.9	44.7	27.6	17.1	3.49	0.956 Sederhana
Ibu/bapa saya tidak pernah meninggalkan ibadat solat lima waktu.	23.0	27.0	38.2	7.2	4.6	2.43	1.065 Rendah
Ibu/bapa saya sentiasa menutup aurat ketika keluar dari rumah	2.0	2.6	19.1	32.9	43.4	4.13	0.947 Tinggi
Ibu/bapa saya sentiasa mematuhi amalan agama	0.7	3.9	18.4	44.7	32.2	4.04	0.853 Tinggi
Ibu/bapa saya pandai mengaji Al- Quran	2.0	3.9	25.0	42.1	27.0	3.88	0.920 Tinggi
Ibu/bapa saya sering bangun awal pada waktu pagi	1.3	3.3	11.2	42.8	41.4	4.20	0.862 Tinggi
Ibu/bapa saya suka ke majlis-majlis ceramah agama	2.0	9.9	32.2	39.5	16.4	3.59	0.945 Sederhana
Ibu/bapa saya sering menyuruh saya sembahyang	3.3	3.3	11.8	36.2	45.4	4.17	0.989 Tinggi

Min Keseluruhan = 3.80

Jadual 1.3 menunjukkan taburan tahap kepatuhan agama ibu bapa remaja dari aspek kepatuhan kepada suruhan agama berdasarkan peratus, min dan sisisian piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan "Ibu bapa saya memahami ajaran Agama Islam" mencatat min tertinggi iaitu 4.35 dan sisisian piawai 0.757. Sebanyak 2.0 % responden menjawab sangat tidak setuju, 0.0 % tidak setuju, 5.3 % kurang setuju, 46.7 % setuju dan 46.1 % sangat setuju.

Pernyataan "Ibu bapa saya sering bangun awal pada waktu pagi" menunjukkan seramai 1.3 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 3.3 % tidak setuju, 11.2 % kurang setuju, 42.8 % setuju dan selebihnya 41.4 % sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.20 dan sisisian piawai 0.862. Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan "Ibu atau bapa saya sering menyuruh saya sembahyang" menunjukkan 3.3 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 3.3 % tidak setuju, 11.8 % kurang setuju, 36.2 % setuju dan selebihnya 45.4 % sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.17 dan sisisian piawai 0.989.

Bagi pernyataan “Ibu atau bapa saya suka ke majlis-majlis ceramah agama” mencatat min 3.59 dan sisihan piawai 0.945. Sebanyak 2.0 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 9.9 % tidak setuju, 32.2 % kurang setuju, 39.5 % setuju dan 16.4 % menyatakan sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Bapa saya selalu ke masjid” mencatat min 3.49 dan sisihan piawai 0.956. Sebanyak 2.6 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 7.9 % tidak setuju, 44.7 % kurang setuju, 27.6 % setuju dan 17.1 % menyatakan sangat.

Bagi pernyataan setuju “Ibu bapa saya tidak pernah meninggalkan ibadat solat lima waktu” menunjukkan 23.0 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 27.0 % tidak setuju, 38.2 % kurang setuju, 7.2 % setuju dan selebihnya 4.6 % sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 2.43 dan sisihan piawai 1.065.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.80. Ini menunjukkan tahap kepatuhan agama ibu bapa remaja dari aspek kepatuhan kepada suruhan agama adalah tahap tinggi.

Jadual 1. 4: Min Kepatuhan Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Berlawanan Kepada Suruhan Agama

Item	1	2	3	4	5			Interpretasi
	STS	TS	KS	S	SS	MIN	SP	
	%	%	%	%	%			
Ibu/bapa saya tidak bersembahyang lima waktu	2.0	7.2	23.7	19.7	47.4	4.03	1.088	Tinggi
Ibu/bapa saya tidak mempunyai pegangan agama	66.4	17.1	10.5	3.9	2.0	1.58	0.967	Rendah
Ibu/bapa saya hanya mematuhi ajaran agama dalam keadaan yang tertentu sahaja	47.4	22.4	22.4	6.6	1.3	1.92	1.039	Rendah
Ibu/bapa saya tidak menghiraukan amalan agama	0.7	3.3	8.6	23.0	64.5	4.47	0.837	Tinggi
Ibu/bapa saya tidak suka ke majlis-majlis kenduri	2.6	3.3	18.4	27.0	48.7	4.15	1.011	Tinggi
Ibu/bapa saya gemar meminum minuman keras	84.9	10.5	2.6	0.7	1.3	1.23	0.656	Rendah
Bapa saya tidak bersembahyang Jumaat	0.7	2.6	21.7	15.1	59.9	4.31	0.944	Tinggi
Ibu/bapa saya pernah meninggalkan ibadat puasa Ramadhan	45.4	27.6	18.4	7.2	1.3	1.91	1.023	Rendah

Ibu/ bapa saya 76.3 12.5 7.9 3.3 0.0 1.38 0.771 Rendah
sering memakai
seluar pendek
ketika keluar
dari rumah

Min Keseluruhan = 2.77

Jadual 1.3 menunjukkan taburan tahap kepatuhan agama ibu bapa remaja dari aspek tingkah laku yang berlawanan dengan suruhan agama berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan “Ibu atau bapa saya tidak menghiraukan amalan agama” mencatat min tertinggi iaitu 4.47 dan sisihan piawai 0.837. Sebanyak 0.7 % responden menjawab sangat tidak setuju, 3.3 % tidak setuju, 8.6 % kurang setuju, 23.0 % setuju dan 64.5 % sangat setuju.

Bagi pernyataan “Bapa saya tidak bersembahyang Jumaat” mencatat min 4.31 dan sisihan piawai 0.944. Sebanyak 0.7 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 2.6 % tidak setuju, 21.7 % kurang setuju, 15.1 % setuju dan 59.9 % menyatakan sangat setuju.

Pernyataan “Ibu atau bapa saya tidak suka ke majlis-majlis kenduri” menunjukkan seramai 2.6 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 3.3 % tidak setuju, 8.6 % kurang setuju, 23.0 % setuju dan selebihnya 64.5 % sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.15 dan sisihan piawai 1.011.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu atau bapa saya tidak mempunyai pegangan agama” menunjukkan 66.4 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 17.1 % tidak setuju, 10.5 % kurang setuju, 3.9 % setuju dan selebihnya 2.0 % sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 1.58 dan sisihan piawai 0.967.

Bagi pernyataan “Ibu atau bapa saya sering memakai seluar pendek ketika keluar dari rumah” mencatat min 1.38 dan sisihan piawai 0.771. Sebanyak 76.3 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 12.5 % tidak setuju, 7.9 % kurang setuju, 3.3 % setuju dan 0.0 % menyatakan sangat setuju.

Bagi pernyataan “Ibu atau bapa saya gemar meminum minuman keras” mencatat min paling rendah iaitu 1.23 dan sisihan piawai 0.656. Sebanyak 84.9 % responden menyatakan sangat tidak setuju, 10.5 % tidak setuju, 2.6 % kurang setuju, 0.7 % setuju dan 1.3 % menyatakan sangat setuju. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 2.77. Ini menunjukkan tahap kepatuhan agama ibu bapa remaja dari aspek tingkah laku berlawanan kepada suruhan agama adalah sederhana.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama secara keseluruhannya menghasilkan min 3.29. Skala ini berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa remaja secara keseluruhannya patuh terhadap agama.

Namun, jika dilihat tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama dari aspek kepatuhan kepada agama menunjukkan min 3.80. Ia merupakan tahap yang tinggi. Min item yang mendominasi ialah “Ibu atau bapa saya memahami ajaran agama Islam”. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa memahami ajaran agama Islam. Oleh itu, ibu bapa akan dapat memberi didikan dan bimbangan yang baik kepada remaja mengikut landasan yang disyariatkan agama Islam. Dzulhilmi et al. (2014), agama sebagai satu gerakan kuasa yang paling kuat dalam aktiviti manusia, sama ada secara individu atau sosial. Keruntuhan sistem kekeluargaan juga dikatakan berpunca daripada kurangnya didikan agama. Hal ini kerana agama dijelaskan segai faktor pelindung kepada remaja dari melakukan tingkah laku yang menyalahi undang-undang.

Manakala bagi aspek tingkah laku berlawanan dengan suruhan agama pula, min keseluruhan adalah 2.77 iaitu pada tahap yang sederhana. Item yang tertinggi dalam aspek ini adalah “Ibu atau bapa saya tidak menghiraukan amalan agama”. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa ibu bapa responden hanya memahami agama tetapi tidak mematuhi dan mengamalkannya. Apabila ibu bapa tidak melaksanakan perkara yang ditetapkan dalam agama, maka remaja juga akan turut mengikutinya dan akan menyebabkan pegangan agama dalam diri menjadi rapuh sekaligus menyebabkan kepincangan berlaku dalam kehidupan keluarga. Khadijah et al. (2012) ada menyatakan bahawa antara elemen

yang menyebabkan remaja melakukan salah laku dan devian adalah kerana mengabaikan solat walaupun telah mendapat pesanan dan nasihat. Kajian barat mendapati agama berupaya bertindak sebagai faktor pelindung. Hal ini disokong oleh Stylianou (2004) yang mendapati bahawa seorang remaja yang mempunyai kepercayaan agama yang tinggi kurang terdedah kepada aktiviti yang tidak berakhhlak

RUJUKAN

- Badlihisham Mohd Nasir, Rozmi Ismail, Syarul Azman Shaharuddin, Mohd Musa Sarip, Ahmad Faqih Bin Ibrahim. 2010. Perkembangan Sosio-Psikologi Dan Akhlak Remaja Melayu (FELDA): Satu Kajian Preliminari. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Badrulzaman Bin Baharom. 2006. Persekutaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Di Daerah Pontian, Johor. Latihan Ilmiah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. 2015. Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu. Jurnal Hadhari 7 (2): 11-30.
- Dzulhilmie Dahalan, Steven Eric Krauss, Azimi Hamzah & Abd Hadi Sulaiman. 2014. Pegangan Agama Dalam Kalangan Belia Awal Pelbagai Kaum Di Malaysia. Journal of Social Sciences and Humanities. 9(1): 117-130.
- Faridah Saleh & Zurina Ahmad Saidi. 2015. Faktor Dan Peranan Institusi Keluarga Dalam Mencegah Salahlaku Dan Devian Dalam Kalangan Remaja. Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education, hlm. 147-157.
- Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid & Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor. 2008. Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga: Isu dan Cabaran. Dalam Seminar Kaunseling Keluarga di Johor Bahru, Malaysia.
- Husin Bin Junoh. 2011. Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar Di Daerah Kota Tinggi, Johor. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Khadijah A., Salina N., Fauziah I., Noremy M.A., Mohd Suhaimi M., & Noorhasliza M.N. 2012. Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja. Journal of Sociaal Sciences and Humanities 7(1): 131-140
- Mitchell, B. 1989. The Family Environment and Leaving the Parental Home. Journal of The Marriage and Family, 51, 605-613.
- Mohammad Abu Bakar Bin Shis. 2010. Kajian Gejala Sosial Di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Yang Menetap Di Kolej Sembilan (K9), Kolej Sepuluh (K10), Dan Kolej Perdana (Kp) Universiti Teknologi Malaysia. Latihan Ilmiah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Ghafar. 2003. Penyelidikan Pendidikan. Johor Bahru. Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Nur Najwa Hanani Binti Abd Rahman. 2017. Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita Dari Sudut Akhlak Selepas Memeluk Islam Di Johor. Jurnal Al-Hikmah 9(1) 2017: 80-109
- Nurul Huda Binti Abd Razak. 2011. Pengaruh Internet Terhadap Keruntuhan Akhlak Remaja Islam: Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan, UTM. Latihan Ilmiah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Journal of Education Psychology & Counseling 1: 115-14